

Pindah benih keli

Penternak ikan sangkar siap siaga hadapi musim tengkujuh

HM 23/11/23 MIS '2

Oleh Hazira
Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

Kuala Krai

Bagi mengelakkan kerugian besar, seorang penternak ikan sangkar memindahkan 100,000 benih ikan keli ke kolam khas yang dibina di pekarangan rumahnya di Kampung Batu Lada, Mengkebang di sini.

Rohaimin Yusoff, 51, berkata, dia berbuat demikian susulan trend air Sungai Kelantang di Kuala Krai sentiasa berubah ketika musim tengkujuh ini.

Menurutnya, benih ikan keli itu akan dibawa semula ke sangkar apabila trend air sungai kembali seperti sediakala.

"Hanya benih ikan keli yang dipindahkan ke dalam kolam, manakala spesies patin, talapia, baung dan keli yang sudah mencapai usia matang dan sedia untuk dijual diletakkan dalam sangkar."

"Saya mengambil langkah awal dengan mengikat sangkar pada pokok durian



ROHAIMIN mengaut ikan keli yang mencapai tempoh matang dan sedia untuk dijual kepada peniaga kedai makan dan restoran di sekitar Kuala Krai. - Gambar NSTP/HAZIRA AHMAD ZAIDI

arus deras sungai," katanya di sini.

Rohaimin berkata, pengalaman mengalami kerugian hampir RM30,000 akibat banjir kira-kira dua tahun lalu membuatkannya lebih bersedia.

Menurutnya, dia juga mengupah pekerja bermalam di atas rumah rakit di sangkar itu untuk memantau keadaan semasa air

Sungai Kelantang.

"Saya bimbang kerana sungai yang menempatkan semua sangkar ikan ini adalah sungai utama."

"Sekiranya cuaca tidak menentu selain berlaku hujan lebat menyebabkan air sungai naik secara mendadak, sekali gus membawa sampah serta kayu sehingga menjeraskan jaring ikan," katanya.

ROHAIMIN (kiri) dibantu pekerjaannya mengangkat ikan untuk diantar kepada pelanggan.

dan nangka berdekatan sungai.

"Ia bagi mengelakkan lebih 20 sangkar yang menempatkan 45,000 spesies patin, talapia, baung dan keli daripada dihanyutkan